

SEKOLAH MENENGAH

ADAF

AKHBAR DALAM PEMBELAJARAN



Soalan Peperiksaan Percubaan SPM

Bahasa Malaysia (Set 1)


2010

KERTAS 1

MASA : 2 JAM 15 MINIT

BAHAGIAN A
[30 markah]

Lihat carta pai di bawah ini dengan teliti. Huraikan pendapat anda berdasarkan carta tersebut. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

PANDANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH ENTANG AKTIVITI KOKURIKULUM

BAHAGIAN B
[100 markah]

Pilih **satu** daripada soalan-soalan di bawah ini dan tulis suatu karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Mata pelajaran Komputer patut diwajibkan kepada semua pelajar sekolah bagi menjamin Malaysia menjadi negara yang berteknologi tinggi.
Bahaskan pendapat ini.
2. Pada cuti sekolah yang lalu, anda telah menghadiri suatu majlis perkahwinan.
Gambarkan suasana persiapan dan suasana semasa majlis tersebut berlangsung.
3. Penggunaan telefon bimbit amat berleluasa di

negara kita pada masa ini. Boleh dikatakan hampir segenap lapisan masyarakat termasuk pelajar sekolah menggunakan alat ini.

Tulis rencana tentang kesan penggunaan alat ini kepada masyarakat.

4. Sebagai setiausaha Lembaga Pengawas Sekolah, anda telah diminta menyediakan laporan tentang kes-kes disiplin yang berlaku di sekolah dan tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengatasinya.
Sediakan laporan itu selengkapnya.
5. Pantun merupakan sejenis puisi tradisional Melayu yang masih popular sehingga kini.
Bincangkan keistimewaan pantun dan perannya dalam masyarakat Melayu.

KERTAS 2

MASA : 2 JAM 30 MINIT

Soalan 1: Rumusan
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang **langkah-langkah untuk menghasilkan modal insan melalui pendidikan dan manfaat melahirkan modal insan**. Panjangnya rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pendidikan dan modal insan merupakan dua perkara yang saling bergantungan antara satu sama lain. Oleh itu, institusi pengajian tinggi khususnya perlu mengadakan beberapa penyelidikan dengan pihak-pihak tertentu seperti pihak industri bagi mengetahui kehendak industri dari segi tenaga kerja. Maklumat yang diperoleh akan membantu institusi pengajian tinggi merangka kurikulum yang selari dengan kehendak industri dan pasaran tenaga kerja. Oleh itu, institusi pengajian tinggi dan industri perlu mempunyai kerjasama yang erat agar tidak berlaku pembaziran sumber tenaga manusia pada masa akan datang. Selain itu, sistem pendidikan di negara ini perlu memberikan tumpuan terhadap meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang kepada pelajar.

Teras kedua daripada lima misi nasional seperti yang digariskan kerajaan adalah untuk meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama di kalangan rakyat jelata. Sejajar dengan teras ini, pihak berwajib perlu melaksanakan usaha penambahbaikan sistem pendidikan negara secara menyeluruh, dari peringkat prasekolah

hingga ke peringkat tinggi dan vokasional. Di peringkat sekolah rendah didapati kerajaan telah mengumumkan bahasa Mandarin akan diajarkan sebagai mata pelajaran penuh di 150 sekolah kebangsaan sementara bahasa Tamil diajar di 70 sekolah kebangsaan. Langkah ini patut dipuji dalam usaha membentuk perpaduan kaum sejak di bangku sekolah.

Institusi pendidikan di negara ini juga khususnya di peringkat pengajian tinggi perlu menyediakan persekitaran yang menggalakkan atau menjana lebih banyak usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D). Diharapkan dalam sistem pendidikan di Malaysia, R & D dilakukan secara berterusan dan digunakan untuk pembangunan negara dan bukannya untuk disimpan di dalam perpustakaan. Rentetan daripada ini juga institusi pendidikan di negara ini diharapkan melakukan usaha penyelidikan dan pembangunan bukan sahaja ke arah pembangunan fizikal negara semata-mata malahan penyelidikan juga perlu tertumpu kepada cara-cara untuk mewujudkan pembangunan modal insan yang berkesan, masalah atau kekangan dalam pembangunan insan, cara penyelesaian dan sebagainya.

Selain itu, era globalisasi ini juga menuntut agar modal insan yang dilahirkan nanti boleh berdikari dan tidak bergantung kepada bantuan orang lain. Sistem pendidikan pada hari ini perlu menyediakan satu infrastruktur yang membolehkan seseorang individu itu memperkembang ilmu yang dimiliki dan bukannya menjadikan ilmu yang dimiliki sebagai aset di perpustakaan atau di rak buku. Institusi pendidikan juga perlu melahirkan modal insan yang aktif dalam aktiviti

kokurikulum. Hal ini demikian kerana aktiviti kokurikulum dapat melahirkan insan yang sihat tubuh badan, cerdas mental dan cergas fizikalnya.

(Dipetik dan diubahsuai daripada "Membentuk Modal Insan Melalui Pendidikan" oleh Hasnah Hussin dalam www.pemudaumno.org.my)

Soalan 2: Pemahaman
Soalan 2 (a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1** di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangka kata pasaran tenaga kerja?
[2 markah]
- (ii) Bagaimanakah usaha penyelidikan dan pembangunan yang seharusnya dilakukan di institusi pengajian tinggi?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah institusi pendidikan berperanan penting dalam melahirkan modal insan?
[4 markah]

Soalan 2(b) Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian,

Jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SULTAN: Sepatutnya kita semua bersatu padu, bekerja bergotong-royong dengan ikhlas. Kalau begitu, kota dan kubu itu belum terdiri?

RAJA SULAIMAN: Belum, tuanku. Tapak dan batu-batu bukit sudah siap, batu-batu laut dan batu-batu karang dari laut belum lagi berangkat.

SULTAN: Mengapa?

RAJA SULAIMAN: Ada pihak dan puak enggan bertugas berat.

BENDAHARA: Hairan patik, Tengku. Masih ada pihak yang tak hendak sama bertanggungjawab, menolak tugas kewajipan. Kota dan kubu sangat mustahak untuk pertahanan dan keselamatan kita bersama.

SULTAN: Pihak dan puak mana itu, nenda? Adakah puak dari Kampar?

RAJA SULALMAN: Tidak. Sebenarnya puak kaum keluarga diraja kita sendiri.

SULTAN: Apa? Keluarga dirajaku sendiri? Harapkan sokong, sokong membawa rebah. Malu..., malu..., tak sanggup bertanggungjawab untuk faedah dan keselamatan mereka sendiri, mereka tak sanggup perjuangkannya.

RAJASULAIMAN: Kata mereka, mereka bukan layak bekerja serupa itu.

Dipetik daripada drama "Seri Nara" karya Sharom Husain dalam antologi Anak Laut, Dewan Bahasa dan Pustaka.)

(i) Apakah perkara yang menimbulkan kemurkaan Sultan?
[2 markah]

(ii) "Kota dan kubu sangat mustahak untuk pertahanan dan keselamatan kita bersama." Mengapakah bendahara berkata demikian?
[3 markah]

(iii) Jelaskan **satu** persoalan yang terkandung dalam petikan tersebut dan **satu** persoalan lain yang drama ini.
[4 markah]

Soalan 2(c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sebermula, anak kera itu pun kembalilah ia kepada bapanya. Setelah dilihat oleh bapanya anaknya luka, maka kata bapanya, "Kenapa engkau luka itu?"

Maka berceritalah anak kera itu segala perihalnya itu kepada bapanya. Maka kata bapanya, "Hai anakku, apakah kataku dahulu kepadamu? Sekarang janganlah lagi engkau bersahabat dan bermain-main dengan anak saudagar itu."

Sungguhpun demikian kata bapanya, tiada juga didengar oleh anak kera itu, sedia kala pergi jua ia

bermain-main dengan anak saudagar itu. Adapun luka anak kera itu sudahlah sembah, tetapi luka anak saudagar itu belum juga sembah lagi, beberapa pun diubati oleh tabib, tiada juga baik.

Maka kata tabib kepada saudagar itu, "Adapun luka anak tuan hamba ini, jika beroleh hati anak kera itu, sembahlah."

Setelah anak saudagar mendengar kata tabib demikian, maka katanya, "Meski hamba mati sekalipun, bahawa sesungguhnya tiadalah hamba mahu membunuh anak kera itu."

(Dipetik daripada "Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya" dalam antologi Anak Laut, Dewan Bahasa dan Pustaka.)

(i) Apakah maksud rangkai kata *sedia kala pergi jua ia* berdasarkan petikan di atas?
[2 markah]

(ii) Huraikan perwatakan anak saudagar dengan berdasarkan petikan tersebut.
[3 markah]

(iii) Pada pendapat anda, mengapakah luka yang dialami oleh anak saudagar itu sukar sembah?
[3 markah]

Soalan 2(d) Petikan Puisi

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

ANAK LAUT

Segar angin laut
mengembalikan rindunya pada kolek
bagai buih kecil terapung di air
menjaring sedikit rezeki
dan sisik ikan
kulit ketam
kepala sotong
dan
kaki udang yang bersimpati.

Seperti kolek terdampar di pasir
Menampakkan urat jalur-jalur tua
Anak laut itu sudah dapat menerka
Langkahnya hampir tiba
Pada muara Pencipta.

RAHIMIDIN ZAHARI

Antologi Anak Laut, Dewan Bahasa dan Pustaka

(i) Apakah yang disedari oleh anak laut?
[3 markah]

(ii) Pada pendapat anda, dapatkah anak laut mengubah nasibnya? Berikan alasan.
[3 markah]

(iii) Nyatakan **tiga** unsur keindahan bahasa yang terdapat dalam sajak. Berikan contoh yang sesuai.
[3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan.

(a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar

imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) terikat
- (ii) tersimpul
- (iii) tertampal
- (iv) tertambat
- (v) teradun
- (vi) tergulung

[6 markah]

(b) Tulis petikan di bawah ini dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki mengekalkan susunan isi dalam petikan ini.

"Sudah lama saya menunggu bas di sini," kata Puan Alina kepada gadis di sebelahnya.

"Puan hendak ke mana?" tanya gadis itu.

"Saya hendak ke Jalan Tuanku Abdul Rahman," jawab Puan Alina.

"Tentu puan hendak membeli kain ela," kata gadis itu.

"Bukan, saya hendak berjumpa dengan kawan saya," jelas Puan Alina.

"Oh, begitu! Kalau puan hendak cepat, saya cadangkan puan naik teksi kerana bas lambat lagi akan sampai," kata gadis itu.

[6 markah]

(c) Dalam ayat-ayat di bawah terdapat kesalahan penggunaan ejaan dan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat-ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

(i) Kerajaan telah memperuntukan wang berjuta-juta ringgit untuk membina lebuhraya di seluruh negara.

(ii) Aturcara pertama dalam kejohanan olahraga tahunan sekolah tersebut ialah pebarisan rumah-rumah sukan.

(iii) Para pengusaha industri kecil digesa majukan bidang kraftangan yang sering menarik minat pelancong.

[6 markah]

(d) Dalam ayat-ayat di bawah, terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan bahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

(i) Konserit itu dibatalkan oleh kerana tidak mendapat surat daripada pihak polis.

(ii) Semua peserta-peserta yang menjadi johan Kuiz Alam Sekitar telah dirayakan oleh Persatuan Alam Sekitar.

(iii) Perbalahan di antara kedua-dua orang kuat pertubuhan itu telah disuraukan dalam satu rundingan yang telah diadakan.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang menggambarkan situasi yang terdapat dalam ayat tersebut.

(i) Sherin sekadar mendengar leteran ibunya tetapi tidak pernah menghiraukan kata-kata ibunya itu.

BAHASA MALAYSIA

- (ii) Semua kerja yang dibuat oleh Mun Chew ala kadar sahaja dan tidak dilakukannya dengan bersungguh-sungguh.
- (iii) Puan Anisa selalu menceritakan keburukan jiran-jirannya, sedangkan tingkah lakunya yang buruk tidak disedarinya.

Soalan 4: Novel [15 markah]

Jawab keduanya soalan di bawah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang berikut.

- (i) *Terminal Tiga* karya Othman Puteh
 - (ii) *Perlumbaan Kedua* karya Marwilis Hj Yusuf
 - (iii) *Di Hadapan Pulau* karya A. Samad Said
 - (iv) *Bukit Kepong* karya Ismail Johari
 - (v) *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain
 - (vi) *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah
 - (vii) *Julia* karya Abu Hassan Morad
 - (viii) *Putera Gunung Tahan* karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Puncak cerita atau klimaks merupakan bahagian novel yang menarik perhatian pembaca. Berikan pendapat anda berdasarkan novel yang anda kaji. [7 markah]
- (b) Jelaskan empat nilai murni yang terdapat pada watak utama dalam novel yang anda kaji.. [8 markah]

JAWAPAN**BAHASA MALAYSIA****Kertas 1**
Bahagian A**Pendahuluan**

- menunjukkan hasil kajian pandangan pelajar sekolah menengah terhadap aktiviti kokurikulum
- secara keseluruhannya menunjukkan tanggapan yang negatif

Isi-is

- 35 peratus menganggap aktiviti kokurikulum tidak penting
 - menganggap aktiviti itu tidak membawa faedah kepada mereka
 - tidak menyedari matlamat aktiviti itu dijalankan
- 18 peratus menyarankan aktiviti itu dimansuhkan
 - menganggap aktiviti kokurikulum tidak memberikan manfaat sama seperti kumpulan pertama
 - mau aktiviti itu dihapuskan kerana tidak menyedari kepentingan aktiviti tersebut kepada mereka
- 12 peratus menganggap aktiviti itu membosankan
 - mereka mungkin sedar akan kepentingannya tetapi tidak tertarik kepada aktiviti yang dijalankan
 - pandangan mereka perlu diambil kira untuk tujuan penambahbaikan
 - pihak sekolah perlu mengkaji semula jenis aktiviti yang dijalankan
- 5 peratus menganggap aktiviti itu hanya membuang masa
 - bermakna kumpulan ini turut menganggap bahawa aktiviti itu tidak penting
 - sekadar mematuhi arahan pihak sekolah

Penutup

- pandangan yang tidak sihat
- perlu diubah
- aktiviti kokurikulum bertujuan untuk melahirkan modal insan yang seimbang
- usaha-usaha perlu dijalankan untuk menyedarkan pelajar tentang pentingnya aktiviti kokurikulum

Kertas 2**Soalan 1****Pendahuluan**

Petikan membincangkan cara-cara untuk menghasilkan modal insan melalui pendidikan.

Isi-is Tersurat

- institusi pengajaran tinggi perlu mengadakan penyelidikan dengan pihak-pihak tertentu bagi mengetahui kehendak industri dari segi tenaga kerja.
- merangka kurikulum yang selari dengan kehendak industri dan pasaran tenaga kerja.
- sistem pendidikan di negara ini perlu memberikan tumpuan terhadap meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang kepada pelajar
- pihak berwajib perlu melaksanakan usaha penambahbaikan sistem pendidikan negara secara menyeluruh
- institusi pendidikan di negara ini juga khususnya di peringkat pengajaran tinggi perlu menjana lebih banyak usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D).
- institusi pendidikan perlu melakukan usaha penyelidikan dan pembangunan yang meliputi semua bidang
- sistem pendidikan pada hari ini perlu menyediakan satu infrastruktur yang membolehkan seseorang individu itu memperkembang ilmu yang dimilikinya
- institusi pendidikan juga perlu melahirkan modal insan yang aktif dalam aktiviti kokurikulum

Isi-is tersirat

- modal insan yang berkualiti dapat menyumbang tenaga dalam merealisasikan Wawasan 2020
- dapat mewujudkan masyarakat yang berilmu pengetahuan
- melahirkan insan yang cinta akan negara dan bersemangat waja

Penutup

Usaha melahirkan modal insan melalui pendidikan perlu dipergiatkan agar Misi Nasional dapat dijayakan

Soalan 2

- keperluan dalam pekerjaan
- dilakukan secara berterusan dan tidak hanya disimpan di perpustakaan
- penyelidikan yang dilakukan mestilah menyeluruh
- memerlukan pelbagai spek

(iii) setiap orang akan mengikuti pendidikan dari tadika sehingga peringkat yang lebih tinggi
 - matlamat yang disasarkan oleh kerajaan mudah untuk diterapkan.

- (i) kota dan kubu belum siap dibina
 - kaum keluarga diraja enggan bekerjasama untuk membina kota dan kubu
- (ii) menjadi benteng pertahanan
 - menghalang serangan musuh
 - menjadi tempat perlindungan jika negeri diserang musuh
- (iii) kurangnya semangat bermasyarakat dan kerjasama dalam kalangan anggota masyarakat
 - kesetiaan rakyat terhadap pemerintah
- (c) (i) pergi semula seperti biasa
 (ii) anak kera bercakap beriar – menceritakan peristiwa yang berlaku pada dirinya tanpa berselindung
 anak kera bersikap degil – terus berkawan dengan anak saudagar biarpun dilarang oleh bapanya
 (iii) tidak dirawat – luka itu lebih teruk daripada luka yang dialami oleh anak kera – terdedah kepada kotoran menyebabkannya menjadi bertambah teruk
- (d) (i) saat kematiannya sudah hampir tiba.
 (ii) koleknya kecil dan dia telah terlalu tua
 - dia juga tidak mampu untuk mendapat hasil tangkapan yang banyak
 (iii) simile, iaitu "bagai buih kecil terapung di air."
 - personifikasi, iaitu "kaki udang yang bersimpati"
 - metafora, iaitu "muara Pencipta".

Soalan 3

- (i) Remi tidak dapat melarikan diri kerana kedua-dua belah kakinya terikat.
 (ii) Kami berusaha untuk membuka ikatan yang tersimpul itu tetapi tidak berjaya.
 (iii) Poster tentang kempen kebersihan tertampal di dinding bilik itu.
 (iv) Pak Mat menegur Hamid kerana mengganggu lembu yang tertambat di pokok mangga itu.
 (v) Ibu memasukkan tepung yang telah teradun dengan gula dan mentega ke dalam sebuah manguk yang besar.
 (vi) Tikar yang telah siap tergulung itu disimpan oleh nenek di bawah katil.
- (b) Puan Alina berkata kepada gadis di sebelahnya bahawa dia sudah lama menunggu bas di situ. Gadis itu pula bertanya kepada Puan Alina tentang tempat yang hendak ditujuinya. Puan Alina menjawab bahawa dia hendak pergi ke Jalan Tuanku Abdul Rahman. Gadis itu menyangka bahawa Puan Alina hendak membeli kain elai. Bagaimanapun, Puan Alina menafikannya dan menyatakan bahawa dia hendak berjumpa dengan kawannya. Gadis itu faham akan maksud Puan Alina. Dia mencadangkan Puan Lina agar menaiki teksi jika hendak cepat kerana bas akan lambat sampai.
- (c) (i) Kerajaan telah memperuntukkan wang berjuta-juta ringgit untuk membina lebuh raya di seluruh negara.
 (ii) Atur cara pertama dalam kejohanan olahraga tahunan sekolah tersebut ialah perbarisan rumah-rumah sukan.
 (iii) Para pengusaha industri kecil digesa memajukan bidang kraf tangan yang sering menarik minat pelancong.
- (d) (i) Konsert itu dibatalkan oleh sebab tidak mendapat permit daripada pihak polis.
 (ii) Semua peserta/ Peserta-peserta yang menjadi johan Kuiz Alam Sekitar telah diraikan oleh Persatuan Alam Sekitar.
 (iii) Perbalahan antara kedua-dua orang kuat pertubuhan itu telah diselesaikan dalam satu rundingan yang telah diadakan.
- (e) (i) masuk telinga kanan keluar telinga kiri
 (ii) bagi melepaskan batuk di tangga
 (iii) mengata dulang paku serpih, mengata orang dia yang lebih

Soalan 4

- Novel Terminal Tiga

Puncak cerita atau klimaks dalam sesebuah novel menjadi perhatian pembaca kerana pada peringkat ini cerita akan berakhir atau menghampiri peleraian. Dalam novel yang saya kaji, iaitu "Terminal Tiga", klimaksnya ialah apabila Rimpa pulang ke Kuala Lumpur setelah menemui ayahnya.

Pada peringkat klimaks ini juga watak utama, iaitu Rimpa

telah berjaya dalam hidupnya. Dia berjaya bertemu dengan ayahnya. Di samping itu, dia juga telah mendapat kelulusan pinjaman pelajaran.

Semasa membaca novel pada peringkat klimaks juga, pembaca akan berasa seronok atau lega. Contohnya pembaca berasa seronok kerana masalah Rimpa untuk mencari ayahnya dan mendapatkan belanja pengajian dapat diselesaikan.

Novel Perlumbaan Kedua

Puncak cerita atau klimaks dalam sesebuah novel menjadi perhatian pembaca kerana pada peringkat ini cerita akan berakhir atau menghampiri peleraian. Dalam novel yang saya kaji, iaitu "Perlumbaan Kedua", klimaksnya ialah apabila Tuk Kura berjaya menewaskan Sang Arnab Putih dan akhirnya Tuk Kura mendapat sanjungan.

Watak utama dalam novel ini juga beroleh kejayaan pada peringkat klimaks. Tuk Kura telah beroleh kejayaan walaupun pada hakikatnya dia berjalan dengan lebih lambat jika dibandingkan dengan Sang Arnab.

Pembaca juga akan berasa puas apabila membaca novel pada peringkat ini. Contohnya, pembaca berasa puas kerana Tuk Kura yang cerdik berjaya menewaskan Sang Arnab yang sompong.

Novel Di Hadapan Pulau

Puncak cerita atau klimaks dalam sesebuah novel menjadi perhatian pembaca kerana pada peringkat ini cerita akan berakhir atau menghampiri peleraian. Dalam novel yang saya kaji, iaitu "Di hadapan Pulau", klimaksnya ialah apabila Mak Ketong, Aziz, dan Afidah berputus asa dalam menghadapi penderitaan hidup. Akhirnya, pihak British telah membuat serangan bom.

Pada peringkat klimaks dalam novel ini juga penderitaan mangsa perang semakin memuncak. Masalah kelaparan yang dihadapi oleh mereka tidak menemui sebarang jalan penyelesaian.

Pembaca juga berasa sedih dan tersentuh hati semasa membaca bahagian ini. Pembaca berasa sedih kerana penderitaan yang dialami oleh watak-watak dalam novel ini berakhir dengan tragis.

Novel Bukit Kepong

Puncak cerita atau klimaks dalam sesebuah novel menjadi perhatian pembaca kerana pada peringkat ini cerita akan berakhir atau menghampiri peleraian. Dalam novel yang saya kaji, iaitu "Bukit Kepong", klimaksnya ialah apabila 18 orang anggota polis yang bersemangat waja menentang serangan 200 orang anggota komunis.

Peringkat klimaks dalam novel ini juga menyayat hati pembaca. Pihak komunis dengan kejam telah membakar rumah pasung. Pada peringkat ini juga 23 orang anggota polis dan keluarga mereka telah terkorban dan banyak yang cedera. Selain itu, pembaca juga berasa kagum semasa membaca peringkat klimaks ini. Pembaca berasa kagum kerana pihak polis telah berjuang habis-habisan demi mempertahankan tanah air yang tercinta.

-

Novel Terminal Tiga

Watak utama dalam novel yang saya kaji, iaitu "Terminal Tiga" ialah Rimpa. Nilai murni yang dimiliki oleh Rimpa ialah tidak mudah berputus asa. Rimpa misalnya tidak berputus asa mencari ayahnya yang sudah 10 tahun menghilang. Rimpa kembali ke Sabah untuk mencari ayahnya. Walaupun usahanya gagal, dia tidak berputus asa.

Rimpa juga tabah dalam menghadapi cabaran hidup. Misalnya, Rimpa sanggup meninggalkan keluarga untuk mengejar cita-citan. Dia juga tabah menghadapi kehidupan tanpa ayah dan membantu ibunya berladang untuk menyara kehidupan keluarga.

Selain itu, Rimpa memiliki nilai bertanggungjawab. Misalnya, Rimpa sanggup bersusah payah belajar hingga ke Semenanjung untuk mempelajari ilmu penulisan. Di samping itu, dia tidak melupakan tanggungjawabnya terhadap keluarga, iaitu mencari bapanya yang menghilangkan diri.

Nilai lain yang dimiliki Rimpa ialah menghormati orang lain. Rimpa amat menghormati Cikgu Ahmad Ibrahim. Semasa pertemuan di lapangan terbang, Rimpa telah menegurnya dengan baik dan menunjukkan rasa hormat seorang pelajar kepada bekas guruinya.

Novel Perlumbaan Kedua

Watak utama dalam novel yang saya kaji, iaitu "Perlumbaan Kedua" watak ialah Tuk Kura. Salah satu nilai murni yang dimiliki Tuk Kura ialah bijaksana. Misalnya, Tuk Kura dengan bijaksana telah menggunakan cangkerangnya yang keras untuk melambungkan diri dari satu batu ke satu batu untuk memenangi perlumbaan dengan sang arnab putih.

Tuk Kura juga memiliki nilai murni gigih berusaha untuk berjaya. Misalnya, Tuk Kura berusaha dengan gigih untuk mencapai kejayaan. Dengan kegigihannya itu, Tuk Kura akhirnya berjaya menewaskan Sang Arnab.

Selain itu, Tuk Kura memiliki nilai sabar dalam menghadapi sesuatu keadaan. Tuk Kura bersikap sabar ketika didera oleh suku-sakatnya sendiri. Dia telah mengasingkan diri untuk mencari ketenangan.

Nilai lain yang dimiliki oleh Tuk Kura ialah berhemah semasa memberikan nasihat. Hal ini ditunjukkan apabila Tuk Kura menasihati cucu-cucunya agar hidup berdikari dan rajin menimba ilmu untuk mencapai kesejahteraan dalam hidup.

Novel Di Hadapan Pulau

Watak utama dalam novel yang saya kaji, iaitu "Di Hadapan Pulau" ialah Aziz. Dia memiliki nilai murni suka menolong orang yang dalam kesusahan. Misalnya, Aziz telah menolong Afidah yang kelaparan mencari makanan di sebuah kubu lama. Nilai murni lain yang dimilikinya adalah tabah dalam menghadapi dugaan hidup. Misalnya, Aziz tabah menghadapi kesukaran hidup walaupun sejak kecil dia telah kehilangan ibu dan kematian ayah. Dia juga tabah semasa tinggal di rumah ibu saudaranya yang bersuamikan kaki botol dan kaki judi.

Selain itu, Aziz memiliki nilai murni menghormati orang yang lebih tua. Misalnya, Aziz telah berhenti bermain untuk bersalam dengan Syed Fikri yang lalu berhampiran dengan tempat dia dan rakan-rakannya bermain.

Satu lagi nilai murni yang ada pada diri Aziz ialah sikap belas kasihan. Misalnya, dia amat bersimpati kepada Afidah yang kematian datuknya. Oleh itu, Aziz sentiasa mengekori Afidah yang pergi ke kubur datuknya.

Novel Bukit Kepong

Watak utama dalam novel yang saya kaji, iaitu "Bukit Kepong" ialah Othman. Nilai murni yang dimiliki oleh Othman ialah penyayang. Othman amat menyayangi isterinya, Limah. Oleh itu, dia telah membawa Limah berpindah ke Pagoh kerana tidak mahu tinggal berjauhan dengan isterinya itu. Nilai murni lain yang dimilikinya ialah berani. Hal ini diperlihatkan oleh Othman ketika bertempur dengan komunis ketika mempertahankan Balai Polis Bukit Kepong. Othman tidak mahu menyerah kalah walaupun rakan-rakannya yang lain telah terkorban.

Selain itu, Othman juga memiliki nilai murni amanah dan bertanggungjawab. Misalnya, Othman dan rakan-rakannya menjalankan tugas dengan amanah dan bertanggungjawab ketika mengadakan sekatan jalan raya.

Satu lagi nilai murni yang ada pada watak Othman adalah cinta akan tanah air. Othman telah menjadi anggota polis kerana mahu menghapuskan komunis yang mengancam keselamatan negara.